

RM1.7 JUTA BANTU RAKYAT MISKIN BINA SEMULA RUMAH MUSNAH TERBAKAR



Pada 7 Januari 2017, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah mengadakan lawatan ke beberapa kawasan banjir dan penempatan mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu.

Semasa lawatan, YB Menteri telah menyampaikan bantuan tilam, bantal dan bekalan makanan kepada mangsa-mangsa banjir untuk dibawa pulang ke rumah masing-masing apabila keadaan banjir pulih.

YB Menteri juga turut menyampaikan penghargaan kepada anggota JBPM dan agensi-agensi lain yang telah bertungkus lumus dalam

melaksanakan operasi penyelamatan dan pemindahan mangsa banjir ke pusat pemindahan.

Dalam sidang media selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Bukit Awang, Pasir Putih, Kelantan, YB Menteri memaklumkan bahawa KPKT memperuntukkan RM1.7 juta untuk membina semula rumah penduduk miskin yang musnah dalam kebakaran pada tahun ini.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembinaan rumah secara gotong-royong dengan kerjasama daripada penduduk sekitar. Peruntukan untuk membina sebuah rumah adalah tidak melebihi RM40,000.00 dan syarat untuk mendapatkan bantuan ini ialah mangsa tidak mendapat perlindungan insurans daripada mana-mana syarikat insurans.